

14/08/1999

Pendedahan dokumen tidak jejas BN: Mahathir

SEREMBAN, Jumaat - Pendedahan dokumen kerajaan tidak akan menjejaskan Barisan Nasional (BN) menjelang pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak fikir pengundi akan memilih orang yang menipu kerajaan ketika dalam kerajaan.

Dr Mahathir berkata, hakikatnya Datuk Seri Anwar Ibrahim ada niat untuk menggunakan dokumen berkenaan bagi tujuan tertentu.

"Mungkin juga jika dia (Anwar) tidak digugurkan dan menjadi Perdana Menteri, dia boleh guna surat itu untuk memaksa orang tertentu patuh kepadanya atau mereka akan didedahkan.

"Itu cara yang saya fikir...dia ada niat guna surat itu, sekarang pun dia sudah kata bahawa dia akan mendedahkan satu persatu...itulah niat dia," katanya pada sidang akhbar mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Negeri Sembilan di sini, petang ini.

Perdana Menteri mengulas mengenai kenyataan Ketua Pemuda Keadilan, Mohamad Ezam Mohd Nor, yang mengakui Anwar yang juga bekas Menteri Kewangan kini menyimpan berkotak-kotak dokumen kerajaan di luar negara.

Dr Mahathir berkata, persoalannya ialah bila Anwar mengambil surat sehingga enam kotak surat itu sedangkan ia hanya boleh disimpan di pejabat kerajaan.

"Ya, dia mesti ambil surat dalam waktu pejabat. Apabila dia disingkir daripada parti, polis tidak membenarkan dia masuk dalam pejabat melainkan kalau ada polis bersamanya.

"Dan dia cuma boleh ambil barang peribadi, surat tidak boleh diambil sama sekali. Jadi, kalau ada surat pada dia, ini bermakna dia sudah ada perancangan untuk guna surat ini.

"Jadi, kalau dia kata orang lain buat konspirasi terhadapnya, tetapi sebenarnya dia yang buat konspirasi. Orang yang suka buat konspirasi ini selalu sangka orang lain buat kerja macam itu," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata Umno akan terus memberi penerangan berhubung kedudukan sebenar pelbagai isu kepada ahli parti itu dan mereka yang mempunyai kecenderungan kepada Pas.

Beliau bagaimanapun berkata, adalah sukar untuk Umno memberi penerangan kepada penyokong Pas kerana kemampuan berfikir mereka sudah dimusnahkan parti pembangkang berkenaan.

"Kalau kita tunjuk kepada mereka kertas putih, dia akan kata hijau kerana mereka nampak hijau sahaja dan Pas sudah berdoa supaya ahli parti itu hanya nampak bulan (lambang Pas)," katanya.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata: "Kita boleh panggil pilihan raya bila-bila masa, tetapi soalnya ialah kita tidak mahu membazir.

"Kita diberi masa selama lima tahun dan kalau kita sekejap-kejap hendak adakan pilihan raya (itu membazir) kerana ia membabitkan perbelanjaan. Kalau kita boleh tunggu sampai hari terakhir, kita tunggu. Kalau tak boleh, kita akan isytiharkan," katanya.

Dr Mahathir juga tidak gentar dengan siapa calon pembangkang yang diletakkan untuk mencabarnya di Parlimen Kubang Pasu, Kedah.

"Wan Azizah (Wan Ismail, Presiden Keadilan) pun nak lawan juga di Kubang Pasu. (Datuk) Harun Din nak lawan juga. Bagus, siapa yang teringin nak lawan boleh meneruskan (hasratnya). Jangan dia berkubang di situ," katanya.

Beliau berkata, Pas memanggil Kubang Pasu sebagai `Kubang Pas' selepas menggugurkan huruf `u' kerana orang Pas suka duduk dalam kubang.

Mengulas manifesto Keadilan untuk menghadkan jawatan Perdana Menteri untuk dua penggal saja, katanya pembangkang berjanji demikian ketika belum menjadi Perdana Menteri.

Katanya, apabila sudah menjadi Perdana Menteri, mereka mungkin memegang jawatan itu lebih lama.

Sehubungan itu, beliau berkata persoalan tempoh jawatan Perdana Menteri sepatutnya diserahkan kepada rakyat dan seharusnya tidak ada sekatan untuk memilih calon yang mereka sokong.

"Kita tidak boleh gopoh kerana satu atau dua penggal bukan sesuatu yang sesuai, tetapi terpulang kepada rakyat yang diberi kebebasan dan mereka mempunyai akal fikiran untuk menentukannya," katanya.

Menjawab soalan mengenai kemasukan semula Malaysia dalam indeks Morgan Stanley Capital International (MSCI), Perdana Menteri berkata beliau tidak perlu membuat ulasan.

"Kita akan menguruskan negara kita tanpa sebarang syarat daripada mana-mana pihak," katanya.

(END)